



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

PEMBEDAHAN MIKROGRAFIK MOHS

1. Apakah pembedahan mikrografik Mohs?

Pembedahan mikrografik Mohs adalah sejenis pembedahan kanser kulit yang diasaskan oleh Dr Frederic Mohs. Pembedahan ini dijalankan untuk beberapa jenis kanser kulit seperti karsinoma sel basal atau karsinoma sel skuamosa, bergantung pada jenis, lokasi atau saiz tumor. Doktor anda akan membincangkan keperluan untuk pembedahan ini dan pilihan rawatan alternatif yang sedia ada sebelum keputusan dibuat untuk pembedahan.

Semasa pembedahan, satu lapisan sel kanser dikeluarkan pada satu masa dengan sebahagian kulit normal di keliling kanser tersebut dan lapisan itu diperiksa di bawah mikroskop dalam kadar segera. Lapisan lanjutan akan diambil jika terdapat bukti sel kanser sehingga keseluruhan kanser telah disingkirkan sepenuhnya.

Kelebihan prosedur ini adalah kadar penyingkiran lengkap kanser kulit dengan luka yang lebih kecil.

2. Siapa yang akan melaksanakan prosedur ini?

Pakar dermatologi anda akan melaksanakan prosedur ini. Pakar-pakar lain seperti pakar bedah plastik, pakar bedah kepala / leher atau pakar oftalmologi mungkin dikehendaki untuk memberi sokongan dalam kes-kes yang lebih kompleks.

3. Bagaimanakah prosedur ini dilakukan?

Pembedahan mikrografik Mohs pada umumnya merupakan prosedur harian sahaja. Bahagian kanser kulit yang boleh dilihat akan ditandakan dan kawasan itu termasuk sebahagian kulit normal di sekeliling akan disuntik dengan anestesia tempatan dan dikeluarkan. Luka akan dibalut sementara tisu diperiksa untuk sel-sel tumor. Sekiranya sel-sel tumor dijumpa, lapisan lanjut boleh dikeluarkan dan prosesnya berulang sehingga tidak ada lagi tumor yang dikesan menggunakan mikroskop.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini merupakan sumber maklumat sahaja dan tidak bertujuan untuk menggantikan diagnosis dan rawatan profesional. Sila rujuk kepada doktor anda sebelum membuat apa-apa keputusan kesihatan atau mendapatkan panduan tentang penyakit tertentu.



DR KWAN ZHENLI

CONSULTANT DERMATOLOGIST AND MOHS
SURGEON

PEMBEDAHAN MIKROGRAFIK MOHS

Selepas kanser kulit telah dikeluarkan, luka mungkin ditinggalkan untuk sembuh secara semula jadi, dijahit terus, ditutup dengan “flap” atau “graft” dari kawasan kulit yang lain, atau dibaiki oleh pakar bedah lain jika kes itu kompleks. Sekiranya pembedahan pembaikan dijadualkan kemudian, luka anda akan dibalut dan anda akan diberikan tarikh untuk pembedahan pembaikan dan diberikan maklumat lanjut.

4. Adakah pembedahan ini berkesan?

Kadar penyembuhan untuk kanser kulit baru boleh mencapai 99% dan untuk tumor berulang sehingga 95%.

5. Apakah risiko dan komplikasi yang mungkin timbul akibat daripada pembedahan ini?

- a. Pendarahan atau lebam
- b. Parut
- c. Jangkitan kuman
- d. Kerosakan saraf (boleh menyebabkan rasa kebas, kesemutan atau kelemahan)
- e. Pengulangan kanser kulit
- f. Perubahan warna kulit
- g. Tindak balas alahan
- h. Pembedahan seterusnya
- i. Proses penyembuhan luka yang lambat

6. Apa yang perlu saya sampaikan kepada doktor sebelum pembedahan?

Sila maklumkan kepada doktor mengenai sebarang alahan, masalah perubatan dan ubat-ubatan semasa yang anda sedang gunakan.

7. Apa yang perlu saya lakukan selepas pembedahan?

Sila balut luka seperti yang diarahkan. Anda perlu menjaga kawasan itu supaya bersih dan kering. Anda juga boleh dirawat dengan antibiotik jika perlu. Sekiranya ada masalah luka seperti pendarahan, sila dapatkan rawatan perubatan di Jabatan Kecemasan dan beritahu doktor yang bertugas bahawa anda telah menjalani pembedahan ini di bawah pasukan Dermatologi.

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini merupakan sumber maklumat sahaja dan tidak bertujuan untuk menggantikan diagnosis dan rawatan profesional. Sila rujuk kepada doktor anda sebelum membuat apa-apa keputusan kesihatan atau mendapatkan panduan tentang penyakit tertentu.